

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 DISEMBER 2014 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Perabot beridentiti negara	Utusan Malaysia
2.	Angin kencang tempias Taufan Hagupit	Berita Harian
3.	Pasang amaran tsunami	Berita Harian
4.	Angin kencang 60kmj, ombak setinggi 4.5m	Harian Metro
5.	Strong winds and rough seas likely up to Friday	The Malay Mail
6.	Moderate quake hits Banda sea	The Sun
7.	Tempias ribut hingga ke Malaysia	Kosmo
8.	Taufan Hagupit bawa angin kencang di perairan Sabah	Sinar Harian
9.	Sustaining the nation beyond 2020	New Straits Times
10.	MoU INTEC, TPM Biotech	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 20 & 21
TARIKH : 8 DISEMBER 2014 (ISNIN)



REKA bentuk perabot tempatan wajar menyerlahkan identiti tempatan.



Info

- Simposium Reka bentuk Perabot Nasional (SRPN)
- Anjuran FRIM
- Disokong oleh
 - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)
 - Kerajaan Negeri Sembilan
 - Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM)
 - Universiti Putra Malaysia (UPM)
 - Universiti Teknologi Mara (UITM)
 - Universiti Malaysia Sarawak (Unimas)
 - Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (Pusaka)
 - Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB).
- Jumlah eksport produk itu meningkat secara konsisten kepada lebih RM6.2 bilion setahun sejak tahun 2007 sehingga 2013.
- Ujian perabot berdasarkan prinsip empat K iaitu kestabilan, keselamatan, kekuatan dan ketahanan.

Perabot beridentiti negara

Bawa identiti tempatan ke peringkat global

Oleh **ASHRIQ FAHMY AHMAD**
sains@utusan.com.my



MALAYSIA merupakan antara negara pengeksport terbesar perabot berkualiti tinggi di dunia. Biarpun permintaan terhadap perabot di peringkat antarabangsa semakin meningkat namun ia bukanlah suatu situasi yang boleh menjamin industri tersebut berada di zon yang selesa.

Bagi memenuhi permintaan, standard dan juga kualiti perabot seperti yang dikehendaki pengguna terutamanya di peringkat antarabangsa, industri perabot perlu terus berkembang, berinovasi serta menjadi lebih selamat untuk digunakan.

Terbaharu, bagi memastikan industri perabot terus relevan sebagai penyumbang

terbesar kepada pendapatan negara, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah menganjurkan Simposium Reka Bentuk Perabot Nasional 2014 (SRPN 2014) di Port Dickson, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Menurut Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod, matlamat simposium tersebut adalah untuk menggalak dan mengukuhkan industri perabot tempatan di peringkat global.

Ia juga bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai akan pentingnya hubung kait antara reka bentuk, bahan mentah, teknologi dan pasaran dalam usaha meningkatkan nilai eksport perabot negara.

"FRIM sedia berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam bidang reka bentuk dan bahan mentah serta ujian perabot bagi

menjamin kualiti sesuatu perabot mencapai tahap piawaian antarabangsa.

"Melalui Skim Akreditasi Makmal MS ISO/IEC 17025 bermula 2010 dan pengiktirafan dari Persatuan Penyelidik Industri Perabot (FIRA) United Kingdom sejak 1994, Makmal Ujian Perabot FRIM telah melaksanakan kesemua aspek ujian perabot.

"Ujian-ujian tersebut dijalankan bagi memastikan perabot Malaysia selamat dan sesuai digunakan serta menepati keperluan pasaran tempatan mahupun antarabangsa.

"Sejak ditubuhkan pada 1989, makmal ini telah menjalankan lebih 2,000 ujian perabot setahun," katanya ketika berucap merasmikan simposium tersebut.

Jelas Dr. Abd. Latif, sektor industri perabot merupakan sektor hiliran yang berkembang dari setahun ke setahun.



DR. ABDUL LATIF MOHMOD

Bagaimanapun, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi meningkatkan eksport perabot ke tahap yang lebih cemerlang demi mencapai sasaran Dasar Industri Kayu-kayan Negara (NATIP).

Reka bentuk yang dinamik, bekalan bahan mentah yang berkekalan serta penggunaan teknologi terkini perlu diberi perhatian bagi menjamin pasaran baru sentiasa wujud demi kelestarian industri perabot.

"FRIM sedia membantu dalam aspek reka bentuk perabot termasuk penggunaan bahan alternatif melalui teknologi terkini.

"Malah FRIM juga sentiasa bekerjasama dengan pihak industri dalam membangunkan produk baru dan sedia membantu untuk mengkomersialkan produk tersebut," katanya.

Bermula 26 hingga 27 November, simposium tersebut mengengahkan 13 penceramah dan antaranya adalah **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad** Diah dengan menyampaikan pembentangan bertajuk, **Meningkatkan Potensi Industri Perabot melalui Reka bentuk Inovatif**.

Dr. Abd. Latif turut menekankan penghasilan perabot berciri-cirikan identiti Malaysia perlu dititikberatkan menerusi penggunaan bahan (jenis kayu), teknologi yang digunakan, produk mesra alam dan kos efektif.

Tambahnya, menerusi penekanan terhadap ciri-ciri tersebut, perabot yang dieksport mampu mencapai kadar harga yang lebih baik seterusnya meningkatkan lagi kepercayaan pengguna.

"Kita juga perlu mempertingkatkan reka bentuk perabot yang dihasilkan agar memenuhi trend masyarakat masa kini sama ada dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa.

"Namun, pada masa yang sama kualiti perabot yang dihasilkan tidak akan dikompromi," katanya.

Pada simposium yang disempurnakan oleh Ketua Pengarah Mara, Datuk Ibrahim Ahmad, FRIM dan FITEC turut menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) untuk bekerjasama dalam reka bentuk perabot dan pembangunan produk bagi tempoh dua tahun.

Pada hari kedua, pelbagai isu termasuk bahan-bahan mentah alternatif, peranan FITEC dalam membantu industri perabot, serta kepentingan reka bentuk dan pensijilan turut dibentangkan kepada para peserta.

Seramai 200 peserta yang terdiri daripada usahawan perabot, pereka, kakitangan pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta para pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) dari seluruh negara telah menyertainya.

Angin kencang tempias Taufan Hagupit

» Ombak capai ketinggian 4.5 meter di kawasan perairan Sabah, Sarawak

Oleh Haika Khazi dan Mohd Izham Unnip Abdullah
bhnews@bh.com.my

► Kota Kinabalu

Taufan Hagupit yang melanda Filipina menyebabkan angin kencang dan ombak besar di kawasan perairan Kudat, pantai barat dan pedalaman Sabah, Labuan dan Miri, Sarawak bermula semalam hingga Jumaat ini.

Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Abdul Malek Tusin, berkata angin kencang berkelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam (km/jam) dengan ombak setinggi 4.5 meter itu menyebabkan keadaan laut bergelora dan berbahaya kepada semua aktiviti laut dan pantai.

Beliau berkata, Jabatan Meteorologi sudah mengeluarkan amaran Kategori Dua sebagai panduan kepada orang ramai, khususnya mereka yang terbabit dalam kegiatan menangkap ikan, pengangkutan feri dan perkapalan.

"Walaupun jarak Taufan Hagupit dari Sabah jauh iaitu kira-kira 1,018 kilometer dari Kudat di utara Sabah pada kira-kira jam 8 pagi ini (semalam), kesannya sudah mula dirasai hingga ke Miri, apabila berlaku ombak besar dan angin kencang.



"Berikutan itu, kami menasihatkan orang ramai agar berwaspada dan tidak turun ke laut sepanjang minggu depan (minggu ini) berdasarkan ramalan bahawa keadaan ini akan berlarutan hingga 12 Disember ini," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Taufan Hagupit yang disifatkan sebagai taufan paling kuat di Asia Tenggara pada tahun ini

dengan kelajuan angin mencapai 215 kilometer sejam bergerak dari Lautan Pasifik menghala ke Filipina, Jumaat lalu.

Ombak setinggi 4.5 meter

Semalam, taufan itu dikesan pada kedudukan 11.9 darjah utara dan 124.6 darjah timur, kira-kira 1,018 kilometer di timur laut Kudat.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan menerusi laman webnya semalam, melaporkan taufan itu juga akan membawa angin kencang timur laut dengan kelajuan 50 hingga 60 km/jam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter di kawasan perairan Sabah, Labuan, Sarawak, di Condore, Reef North dan Pulau Layang-layang.

"Taufan ini juga akan membawa angin kencang timur laut dengan kelajuan 40 hingga 50 km/jam dengan ketinggian ombak 3.5 meter ke kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur.

"Keadaan sama juga diramal berlaku di kawasan perairan Sulu dan Sulawesi serta di kawasan perairan Reef South, Samui dan Tioman," katanya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 7
TARIKH: 8 DISEMBER 2014 (ISNIN)

Pasang amaran tsunami

Miri: Dua sistem penggera amaran awal tsunami yang setiap satu bernilai RM20 juta akan dipasang di Sarawak, sebagai langkah awal menghadapi kemungkinan jika gempa bumi kuat berlaku di Laut China Selatan.

Ia akan dipasang di dua bandar berdekatan pantai, iaitu Mukah dan Bintulu. Ketika ini, Sarawak memiliki satu sistem penggera amaran yang dipasang di Pantai Luak, Miri pada Julai 2010.

Penolong Pengarah Jabatan Meteorologi Miri, Ong Chen Wei, berkata alat penggera itu akan memberi amaran kepada orang ramai mengenai kemungkinan berlaku tsunami dalam tempoh 15 minit sebelum berlakunya bencana.

"Sistem penggera di Mukah dan Bintulu akan dipasang tahun hadapan, menjadikan Sarawak memiliki tiga sistem penggera amaran bencana itu," katanya.

FOTO: LANGKAT



KEADAAN laut yang tenang di Tanjung Aru, Kota Kinabalu membolehkan orang ramai melakukan aktiviti hujung minggu walaupun angin kencang dan laut bergelora dijangka melanda.

TAUFAN HAGUPIT

Angin kencang 60kmj, ombak setinggi 4.5m

■ Jabatan Meteorologi nasihat umum henti aktiviti laut di Sabah

Oleh Ardyhansah Amat
ardyhansah@hmetro.com.my
Kota Kinabalu

Nelayan di seluruh negeri diminta lebih berhati-hati ketika berada di laut berikutan taufan Hagupit yang melanda Filipina bakal menyebabkan laut bergelora dan ombak mencecah sehingga 4.5 meter, khususnya di perairan pantai barat.

Pengarah Jabatan Mete-

rologi Sabah Abdul Malek Tusin berkata, pihaknya menjangkakan angin kencang berkelajuan antara 50 hingga 60 kilometer sejam (kmj) melanda perairan Kudat, pedalaman Sabah, Labuan dan Miri, Sarawak sehingga Jumaat ini.

"Walaupun jarak taufan Hagupit kira-kira 1,018 kilometer dari utara Sabah, namun kekuatan anginnya boleh dirasakan sehingga ke Miri yang mana menyebabkan

laut bergelora dan membentuk ombak besar.

"Keadaan ini cukup berbahaya kepada sebarang aktiviti laut terutamanya membabitkan bot kecil dan nelayan pesisir pantai," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Abdul Malek berkata, pihaknya sudah mengeluarkan amaran kategori dua kepada orang ramai sebagai panduan termasuk pengusaha feri dan perkapalan di sekitar per-

airan negeri ini.

"Seboleh-bolehnya orang ramai menunda atau tidak melakukan aktiviti laut sehingga 12 Disember depan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku," katanya.

Taufan Hagupit dikesan bergerak dari Lautan Pasifik menghala ke Filipina dengan kelajuan mencapai 215 kmj menjadikannya antara taufan paling kuat melanda Asia Tenggara tahun ini.

"Kami sudah mengeluarkan amaran kategori dua kepada orang ramai sebagai panduan"
Abdul Malek Tusin

Strong winds and rough seas likely up to Friday

KUALA LUMPUR — Typhoon Hagupit has been detected about 1,018km to the northeast of Kudat, Sabah, heading west yesterday.

The Meteorological Department said in a statement the typhoon was detected at latitude 11.9 north and longitude 124.6 east.

It said the typhoon brought strong northeasterly winds with a speed of 50km per hour to 60 km per hour with waves reaching 4.5m high in the waters off Sabah, Labuan, Miri in Sarawak as well as Condore, North Reef and Layang-Layang, which were expected to continue until Friday.

Strong northeasterly winds are also expected to occur in the waters off Kelantan, Terengganu, Pahang, east Johor and Sarawak from tomorrow until Friday.

The strong winds and rough seas are dangerous to all coastal and shipping activities, including fishing and ferry services. — Bernama

KERATAN AKHBAR
THE SUN (BRIEFS) : MUKA SURAT 02
TARIKH: 08 DISEMBER 2014 (ISNIN)

**MODERATE QUAKE
HITS BANDA SEA**

KUALA LUMPUR: A moderate earthquake measuring 5.9 on the Richter scale hit Banda Sea, Indonesia, at 6.05am, yesterday. The Malaysian Meteorological Department, in a statement, said the quake's epicentre was 385km southeast of Ambon, Indonesia, and 1,786km southeast of Semporna, Sabah. Meanwhile, a strong earthquake measuring 6.5 on the Richter scale hit the Solomon Islands at 9.22am yesterday. According to the Malaysian Meteorological Department, the quake's epicentre was 137km southwest of Arawa, Papua New Guinea and 4,165km southeast of Semporna, Sabah. – Bernama

Tempias ribut hingga ke Malaysia

KUALA LUMPUR - Taufan Hagupit yang membawa angin kencang timur laut, dikesan pada kedudukan kira-kira 1,018 kilometer ke timur laut Kudat, Sabah dengan pergerakan ke arah barat dengan kelajuan 10 kilometer sejam (km/j) pada pukul 8 pagi semalam.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan semalam berkata, taufan itu dikesan pada latitud 11.9 utara dan longitud 124.6 timur.

Taufan itu membawa angin kencang timur laut dengan kelajuan 50 hingga 60 km/j dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter di kawasan perairan Sabah, Labuan, Miri Sarawak, dan di Condore, Reef North serta Layang Layang yang dijangka berterusan sehingga Jumaat

ini.

Selain itu, angin kencang timur laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dengan ketinggian ombak 3.5 meter diramal berlaku mulai hari ini hingga Jumaat ini di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur dan Sarawak.

Keadaan sama turut diramal berlaku di kawasan perairan Sulu dan Sulawesi dan dijangka berterusan sehingga Rabu ini serta di kawasan perairan Reef South, Samui dan Tioman sehingga Jumaat ini.

"Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai, termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri," mengikut kenyataan itu.

Sementara itu, Penasihat dan Ketua Canseri Kedutaan Malaysia di Manila, Zahid Rastam berkata, pihak kedutaan telah membuat hebahan awal kepada rakyat Malaysia yang berdaftar dengan kedutaan berhubung taufan tersebut.

Bagaimanapun, menurut beliau, setakat ini tiada laporan mengenai rakyat Malaysia yang terperangkap dalam taufan.

Tambah Zahid,, pihak kedutaan sedang memantau taufan itu dan masih menunggu laporan lanjut daripada pihak berkuasa Filipina berhubung bencana Taufan Hagupit.

Beliau berkata, terdapat kira-kira 700 rakyat Malaysia yang berdaftar dengan kedutaan dan kebanyakan mereka berada di Manila.

Taufan Hagupit bawa angin kencang di perairan Sabah

KUALA LUMPUR - Taufan Hagupit membawa angin kencang timur laut, dikesan kira-kira 1,018 kilometer ke timur laut Kudat, Sabah, dengan pergerakan ke barat berkelajuan 10 km/j pagi semalam.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan berkata, taufan itu dikesan pada latitud 11.9 utara dan longitud 124.6 timur.

Hagupit membawa angin kencang timur laut dengan kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter di kawasan perairan Sabah, Labuan, Miri Sarawak dan di Condore, Reef North serta Layang-layang yang dijangka berterusan sehingga Jumaat ini.

Selain itu, angin kencang timur laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dengan ketinggian ombak 3.5 meter diramal berlaku mulai hari ini sehingga Jumaat di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur dan Sarawak.

Keadaan sama turut diramal berlaku di kawasan perairan Sulu dan Sulawesi dan dijangka berterusan hingga Rabu ini serta di kawasan perairan Reef South, Samui dan Tioman sehingga Jumaat ini.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini, berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai, termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri, menurut kenyataan itu. - Bernama

Sustaining the nation beyond 2020

CHALLENGING TIMES:

Having the right science talent and good governance crucial to Malaysia's survival

THERE is no denying that sustaining the nation is the country's biggest agenda. All our planning aim for only one thing. And, that is to achieve sustainable growth and development with inclusiveness.

Inclusiveness means the nation's economic success must reach all sectors of society. At the same time, future generations must not be deprived of the same opportunities we enjoy today. It is therefore imperative that serious attention is directed towards the major factors of growth. These include the need to have good talent, reliable and ef-

ficient infrastructure, strategic investment in lucrative ventures, accessibility to clean energy and water, and an efficient health infrastructure. Not to mention a vibrant natural ecosystem that continues to deliver the many intangible services we need.

How can we do this? The Academy of Sciences recently hosted a general assembly to discuss the topic, "Malaysia Beyond 2020". With a panel comprising representatives from the government, academia and industry, the dialogue proved both constructive and educational. At the end of the discourse, the panel was unanimous on one thing. Unless we invest in the right strategy now, the road ahead can be bumpy and challenging.

All agreed on the fact that going by current statistics, the nation should not have much problem achieving the high-income target set for 2020.

Recent growth numbers have

boosted the optimism that we will soon be a fully developed nation. However, there is concern about the years after 2020. How can we sustain the country's growth trajectory? By then, we would be a high-income nation. High income means high cost. As a high-cost country, gone are the days when we would compete only in the low-value commodity economy. As a developed nation, our competitiveness will have to be strengthened in the higher value products and services. This is where technology would be a key determining factor.

The question posed was: is the nation prepared to face the new era of competition? And, what should we do to make sure we will be ready come 2020? It is only a matter of five years. In fact, the next Malaysia Plan, which is the 11th, is a crucial period for the nation. Any misplaced emphasis for the period 2016-

2020 will have serious repercussions on how the nation will perform after 2020. All the panellists and the audience, comprising mainly fellows of the Academy, could not hide their apprehension about the future of talent in science, technology and innovation. Going by the current declining interest among students to take up science, the future on the human capital aspects is quite depressing. How can we arrest this decline? One thing is for sure. We need to make the profession of research scientists more attractive to the young.

The government is already aware of this fact. The latest (Malaysia) Education Blueprint (2013-2025) has spelt out some possible remedial actions. The Academy has been pushing for more adoption of the inquiry-based learning for science.

Unfortunately, implementing such measures has not been easy. Getting good science teachers remains a major challenge. It may be time to improve the service scheme for science teachers. It should attract the best brains to take up the

teaching of science. The package should include not only attractive pay scheme but also better career opportunities. For example, they can be automatically supported for further studies and eventually become professors at the tertiary level.

If having the right science talent is crucial to sustain the nation beyond 2020, then good governance of science is critical. Without effective governance, it will prove difficult dealing with the efficient management of the investment in scientific research and development. Already, concerns have been raised on the choice of projects that should be supported. Often times, they are not in line with the nation's priority areas. The monitoring and evaluation of ongoing projects have also been criticised for their weaknesses. Investment in science is not cheap.

In order to maximise value for money, good governance is critical. Unless the issues of governance and talent are properly addressed, sustaining the nation beyond 2020 may be challenging.

✉ ahmad.ibrahim@akademisains.gov.my



Dr Ahmad Ibrahim
is fellow of the
Academy of
Sciences Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA KAMPUS) : MUKA SURAT 25
TARIKH: 08 DISEMBER 2014 (ISNIN)

MoU INTEC, TPM Biotech

Kerjasama melibatkan bidang pendidikan industri produk halal negara

INTEC Education College (INTEC) menjalin kerjasama dengan **Technology Park Malaysia (TPM) Biotech Sdn. Bhd.** (TPM Biotech) dalam menyediakan kursus Diploma Amalan Halal Sainifik bagi memastikan industri produk halal terus berkembang di seluruh dunia.

Ketua Eksekutif TPM Biotech, Ahmad Husni Johari berkata, permintaan produk halal semakin meningkat di seluruh dunia termasuk China dan Eropah,.

“Apabila industri halal semakin berkembang, kita memerlukan tenaga kerja yang mahir bukan sahaja dalam aspek syariah malah perlu arif dari sudut saintifik produk yang dihasilkan.

“Sebelum ini, pengeluar produk memfokus kepada usaha mendapatkan Sijil Pengilangan Baik (GMP) dan lain-lain sijil tetapi dengan adanya sijil halal dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), mereka berlumba-lumba untuk memperoleh sijil tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara INTEC dan TPM Biotech di Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Yang hadir sama ialah Ketua Eksekutif INTEC, Prof. Madya Dr. Yamin Yassin dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti Teknologi MARA (UiTM) Private Education Sdn. Bhd., Prof. Dr. Norsaadah Ismail.

Sementara itu, Yamin memberitahu, tempoh pengajian kursus diploma tersebut adalah dua tahun dan TPM Biotech akan memainkan peranan sebagai pakar rujuk dalam aspek saintifik sesuatu ujian halal.

“TPM Biotech mempunyai kepakaran saintifik seperti penggunaan alatan serta ujian makmal dan kita mempunyai kepakaran dalam bidang pendidikan.

“Kita gabungkan kerjasama kedua-dua entiti untuk menghasilkan kursus halal yang amat berguna pada masa depan bagi memajukan industri halal,” jelasnya.



AHMAD HUSNI JOHARI (kiri) bertukar dokumen MOU dengan Dr. Yamin Yassin sambil disaksikan Dr. Norsaadah Ismail (kanan) di Shah Alam, Selangor baru-baru ini.